

RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH LIPIS, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)

ini merupakan satu kajian yang dijalankan bagi menyediakan sebuah rancangan pembangunan dan pelan perancangan yang baharu untuk menggantikan rancangan pembangunan terdahulu. Ia disediakan di bawah peruntukan Subsekyen 16(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2020 (RTD Lipis 2020) telah tamat tempoh perancangannya pada tahun 2020. Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2020 ini telah diwartakan pada 3 Januari 2013 dengan no. Warta 1 Jld. 66 No.1.

MENGAPA RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH LIPIS, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN) PERLU DISEDIAKAN?

Tamat Tempoh Perancangan Rancangan Tempatan

Menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2020 (Diwartakan pada 3 Januari 2013) yang telah tamat tempoh.



Penyelarasan Dasar Peringkat Nasional dan Negeri

Untuk menterjemah dasar-dasar dan strategi di peringkat nasional dan negeri iaitu Sustainable Development Goals (SDGs), Agenda Perbandaran Baru (NUA), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4), Dasar Pembangunan Negara 2 (DPN2), Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030), Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 (RSN Pahang 2050), Gagasan Malaysia MADANI dan lain-lain pelan strategik berkaitan.



Mengkaji Pembangunan Kawasan Bersempadanan

Mengenal pasti dan mengkaji pembangunan kawasan bersempadanan dari segi konteks pembangunan wilayah untuk melengkap pembangunan sekitar kawasan kajian.



Rancangan Tempatan sebagai Medium Perancangan dan Pengawalan Guna Tanah

Mengkaji semula trend pembangunan, guna tanah dan pegezonan kawasan sebagai panduan perancangan guna tanah 2035 dan kawalan pembangunan Majlis Daerah Lipis.



Pengukuhan Urus Tadbir Majlis Daerah Lipis

Memperkasakan struktur organisasi pentadbiran bagi mengukuhkan urus tadbir Majlis Daerah Lipis (MD Lipis) sekaligus memastikan pembangunan dan pentadbiran yang baik dan utuh.



APAKAH PERANAN ANDA?

Orang ramai dijemput untuk membuat semakan laporan bermula pada 01 Oktober sehingga 31 Oktober 2025 di lokasi seperti mana berikut:

LOKASI SEMAKAN TETAP

MAJLIS DAERAH LIPIS

Kompleks Pejabat Kerajaan 27200 Kuala Lipis, Pahang

PLANMALAYSIA@Pahang

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang) Tingkat 4, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur

SEMAKAN ATAS TALIAN (ONLINE)

LANAMAN WEB RASMI PLANMalaysia

<https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/pages/view/358>

LANAMAN WEB RASMI PLANMalaysia@Pahang

<https://planmalaysia.pahang.gov.my>

LANAMAN WEB RASMI MAJLIS DAERAH LIPIS

<https://www.mdlipis.gov.my>

LOKASI PAMERAN BERGERAK

1. Pekan Sehari Sungai Koyan - 2/10/2025 (Khamis)
2. Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Sungai Koyan - 3/10/2025 (Jumaat)
3. Car Free Day, Bandar Kuala Lipis - 4/10/2025 (Sabtu)
4. Pekan Sehari Benta - 12/10/2025 (Ahad)
5. Pasar Pagi Merapoh - 13/10/2025 (Isnin)
6. Pekan Sehari Mela - 25/10/2025 (Sabtu)
7. Pekan Sehari Padang Tengku - 26/10/2025 (Ahad)



Imbas Untuk Dokumen
Draf RT Majlis Daerah Lipis,
Pahang 2035 (Penggantian)



Bantahan atau Cadangan
juga boleh disalurkan
melalui imbasan KOD QR

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH LIPIS, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)

درف رانچن تمقن مجلس دايره ليقس، فهغ ٢٠٣٥ (فغقننن)



01 OKTOBER
SEHINGGA
31 OKTOBER
2025



Daerah Warisan Sejarah dan
Destinasi Geo Pelancongan



Pentadbiran dan pengurusan daerah Lipis berada di bawah Majlis Daerah Lipis

Kawasan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Lipis, Pahang 2035 (Penggantian) merangkumi keluasan 540,778.00 hektar.

Daerah Lipis meliputi sepuluh (10) buah mukim iaitu mukim Ulu Jelai, Batu Yon, Kechau, Cheka, Tanjung Besar, Budu, Penjom, Telang, Gua dan Kuala Lipis.

Dari segi geo politik, ia meliputi kawasan **Parlimen Lipis (P079)** serta tiga (3) kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu **DUN Padang Tengku (N.03), DUN Cheka (N.04)** dan **DUN Benta (N.05)**.

KELUASAN KESELURUHAN 540,778.00 hek.

KAWASAN TEPU BINA 17,212.46 hek. (3.18%)

KAWASAN BUKAN TEPU BINA 523,565.54 hek. (96.82%)

PETA CADANGAN GUNA TANAH 2035

Kawasan Tepu Bina : 17,212.46 Hek (3.18%)

PERUMAHAN	11,201.57 (2.07%)
KOMERSIAL	131.29 (0.02%)
INDUSTRI	455.65 (0.08%)
INSTITUTI & KEMUDAHAN MASYARAKAT	1,130.87 (0.21%)
INFRASTRUKTUR & UTILITI	206.40 (0.04%)
PENGANGKUTAN	3,938.35 (0.73%)
TANAH LAPANG DAN REKREASI	148.33 (0.03%)
Kawasan Bukan Tepu Bina : 523,565.54 Hektar (96.82%)	
PERTANIAN	128,323.93 (23.73%)
HUTAN	389,383.76 (72.00%)

BADAN AIR 5,857.85 (1.08%)

Pengangkutan dan Utiliti

- Lingkaran Tengah Utama (LTU)
- Lingkaran Tengah Utama (LTU) Dalam Pembinaan
- Cadangan Jalan Baru
- Landasan Keretapi
- Cadangan Jajaran Sisihan ECRL
- Talian Rentis
- Cadangan Stesen Sisihan ECRL

Lain-lain

- Taman Negara Pahang Sungai Relau
- Sempadan Hijau 500 m



VISI DAERAH LIPIS

Daerah Warisan Sejarah dan Destinasi Geo Pelancongan

VISI BANDAR KUALA LIPIS

Bandar Warisan Sejarah

TAGLINE LIPIS

"MOH KE LEPEH"
*Warisan Kita Kebanggaan Kita
Our Heritage Our Pride*

CADANGAN PEMBANGUNAN

5
TERAS PEMBANGUNAN

12
SEKTOR STRATEGIK

29
HALA TUJU PEMBANGUNAN

145
CADANGAN PEMBANGUNAN

13
PROJEK BERIMPAK TINGGI

45
PROJEK QUICK WINS

87
PROJEK SOKONGAN

DAERAH CAMERON HIGHLANDS
Ke Cameron Highlands

NEGERI PERAK

NEGERI KELANTAN

DAERAH RAUB

DAERAH JERANTUT

CADANGAN GUNA TANAH BPI KUALA LIPIS

